

NO. SOALAN: 208

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

RUJUKAN : 8020

SOALAN:

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara, berapakah yang dalam proses, berapakah yang telah lulus dan berapakah yang gagal mengikut pecahan negeri dan etnik dari 2000 sehingga kini.

JAWAPAN:

Mengikut rekod Jabatan Pendaftaran Negara, dari tahun 2000 sehingga bulan April 2015, Jabatan telah menerima sebanyak 93,403 permohonan kewarganegaraan Malaysia daripada warga asing. Dalam hal ini, seramai 47,211 warga asing telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia bagi tempoh yang sama. Pecahan jumlah tersebut mengikut tiga (3) keturunan tertinggi adalah seperti berikut:-

BIL.	KETURUNAN	JUMLAH PENGANUGERAHAN KEWARGANEGARAAN MALAYSIA (ORANG)
1.	Indonesia	18,729
2.	India	10,826
3.	Cina	7,343

*Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia
Tarikh Kemas Kini : 09 Jun 2015*